



اُنِيْوَرْسِيْٓتِيْ تِيْكْنُوْلُوْجِيْ مَآرَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

BULETIN UNIT RESIDENSI & HOSPITALITI PELAJAR

EDISI 3
OKTOBER 2025

U

R

H

P

PENCARIAN SEKRETARIAT JAWATANKUASA PERWAKILAN KOLEJ (SJPK) SESI 2024/2025

AINA QISTINA JAMIROSYADI , NURIN BATRISYA WAHID



Pada 30 Januari 2025, bagi memastikan kelancaran urusan organisasi dan kesinambungan kepimpinan pelajar di kolej kediaman, Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) telah membuka peluang kepada pelajar untuk menyertai Sekretariat JPK bagi sesi 2024/2025

Pencarian sekretariat ini diadakan bagi melahirkan barisan pelapis kepimpinan yang mampu membantu JPK dalam mengurus program, menjaga kebajikan pelajar serta menjadi penggerak utama kepada aktiviti kolej. Proses pemilihan akan dibuat secara teliti melalui sesi temuduga dengan penekanan terhadap ciri-ciri kepimpinan, semangat sukarelawan dan komitmen tinggi.

Tujuan utama pencarian ini bukan sahaja untuk mengisi jawatan yang diperlukan, tetapi juga sebagai platform latihan kepimpinan kepada mahasiswa yang berminat. Dengan menyertai sekretariat, pelajar akan berpeluang menimba pengalaman dalam bidang pengurusan organisasi, kerja berpasukan, komunikasi serta pengendalian program berskala besar.



Penyertaan dalam sekretariat memberi kesan positif kepada individu, organisasi dan kolej kediaman secara keseluruhannya. Pelajar berpeluang mengasah bakat kepimpinan, JPK mendapat sokongan tenaga kerja yang mantap, manakala kolej dapat meneruskan tradisi kepimpinan yang progresif dan berdaya saing.

Secara ringkas, pencarian sekretariat bukan sekadar mengisi jawatan kosong, tetapi menjadi ruang untuk pelajar yang ingin menyumbang bakti dan pengalaman. Kehadiran tenaga muda yang segar diyakini akan menguatkan lagi pasukan JPK serta membuka jalan kepada lahirnya pemimpin pelajar yang lebih berdaya tahan dan berwawasan.

